

---

Title	Eksplorasi dan manipulasi diksi dalam pengajaran bahasa Melayu karya kreatif
Author(s)	Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz
Source	<i>Aktivis</i> , 2005(5), 146 –159
Published by	Persatuan Budaya Melayu Institut Pendidikan Nasional Kampus Townsville

---

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

This paper was archived with permission from the publisher.

# **EKSPLOITASI DAN MANIPULASI DIKSI DALAM PENGAJARAN BAHASA MELALUI KARYA KREATIF**

**MOHAMED PITCHAY GANI BIN MOHAMED ABDUL AZIZ  
INSTITUT PENDIDIKAN NASIONAL  
UNIVERSITI TEKNOLOGI NANYANG**

## **1.0 Pendahuluan**

Strategi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu merupakan satu aspek penting dalam menanam keseronokan dan sifat ingin tahu para pelajar terhadap subjek ini yang kian tercabar akibat perkembangan semasa dan perubahan dasar pendidikan di Singapura yang memberikan lebih banyak kelonggaran dalam mempelajari bahasa ibunda.

Situasi seumpama ini akan terus mewarnai kehidupan rakyat Singapura pada masa akan datang memandangkan hasrat Singapura menjadi sebuah bandar kosmopolitan semakin menjadi realiti dengan agak mendadak. Pendidik yang proaktif akan mengambil kesempatan daripada perkembangan seumpama ini untuk menggali bahan baru dan melakarkan strategi bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda lebih mencabar dan pragmatik.

Makalah ini bertujuan melakarkan satu pendekatan iaitu eksploitasi dan manipulasi diksi sebagai satu pendekatan dalam mengajar bahasa Melayu dari segi tatabahasa dan penulisan dengan menggunakan bahan sastera. Bahan yang digunakan merupakan gabungan karya kreatif yang diterbitkan di Malaysia dan Singapura khususnya dari akhbar-akhbar tempatan.

## **2.0 Sastera dan Masyarakat**

Sastera merupakan satu komponen kewujudan manusia. Sejak zaman awal lagi perlakuan manusia telah disinonimkan dengan proses pensusasteraan sehingga lahir beberapa teori seperti teori Abrams dan teori Cina yang masing-masing cuba menunjukkan hubungan karya, alam, pencipta dan masyarakat. Mohamad Mokhtar Hassan (1995:11) merumuskan:

“Karya sastera dan masyarakat merupakan dua entiti yang tidak dapat dipisahkan. Sebagai anggota sosial, pengarang atau penyair terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kehidupan masyarakat. Oleh kerana seseorang pengarang atau penyair merupakan golongan manusia yang peka, maka segala peristiwa yang berlaku pada dirinya dan masyarakatnya menjadi penelitian dan pengamatannya...maka segala kehidupan masyarakat dijadikan sebagai bahan yang bernilai untuk pengarang atau penyair berkarya...karya sastera ‘menggambarkan kehidupan’ dan karya sastera merupakan ekspresi sosial.”

Peranan sastera begitu ketara dan terserlah sehinggakan ia menjadi bahan dokumen sosiobudaya. Alan Swingewood (1972:13) menjelaskan bahawa terdapat hubungan langsung antara unsur dalam satu karya dengan unsur dalam masyarakat yang digambarkan dalam karya itu. Ini boleh dilihat dari segi unsur budaya, peristiwa, citra, motif atau tema.

Hans Robert Jauss (1982:143) pula menjurus ke dalam teori resepsi dalam sastera atau teori penerimaan. Teori ini merumuskan bahawa apa yang difahami pembaca adalah berdasarkan kepada dua horizon iaitu horizon penerimaan pembacaan iaitu kerangka pemikiran pembaca dalam membaca sesuatu karya sastera, dikatakan, ditentukan oleh kerangka pemikiran karya yang pernah dibaca sebelumnya. Kedua ialah horizon penerimaan sosiobudaya iaitu kerangka pemikiran pembaca juga ditentukan oleh budaya yang sedia ada dalam dirinya yang dibentuk berzaman lamanya dari segi ideologi, pendidikan dan sebagainya.

Jelas sekali peranan sastera dalam masyarakat amat relevan dan pragmatik. Maka bahan sastera amat sesuai digunakan untuk pengajaran bahasa Melayu sama ada dari segi keperluan kurikulum mahupun pengayaan. Dari sudut tatabahasa, terdapat satu bahan yang ketara yang boleh membantu guru dalam mengajar tatabahasa. Unsur tersebut ialah diksi iaitu satu unsur morfologi yang membina ayat iaitu melalui rentetan kata-kata yang dihubungkan. Maka ia amat sesuai digunakan sebagai alat untuk mencungkil gaya yang melahirkan sesuatu genre yang indah, menarik dan berkesan.

### **3.0 Eksploitasi dan Manipulasi Bahasa**

Mengeksploitasi ialah menggunakan sesuatu untuk kepentingan diri sendiri (Kamus Dewan 1994:329). Maka mengeksploitasi bahasa merupakan penggunaan bahasa bagi kepentingan penulis untuk menyampaikan mesej yang dihasratkan kepada pembaca. Berdasarkan konsep eksploitasi sendiri, bahasa akan dicorak dan diadunkan mengikut kehendak penulis.

Memaniplulasi pula ialah mengendalikan atau menggunakan sesuatu dengan cekap atau bijaksana (Kamus Dewan 1994:857). Dalam konteks bahasa, ia merujuk kepada pengendalian bahasa dengan berkesan melalui penggunaan kata-kata dan unsur-unsur bahasa atau kesusasteraan yang lain.

Dalam konteks pengajaran bahasa, aspek-aspek ini boleh direalisasikan dengan mencerna bagaimana penulis menggunakan bahasa untuk menghasilkan karya yang baik dan menarik dan dalam masa yang sama, melihat bagaimana unsur-unsur bahasa yang dieksploitasi dan dimanipulasi itu boleh memanfaatkan pengajaran bahasa.

### **3.1 Bahasa Ekonomis dan Tepat**

Para penulis karya kreatif terutama sekali cerpen gemar menggunakan ayat-ayat dan perkataan-perkataan yang pendek tetapi menyampaikan maksud yang tepat. Sering perkataan yang digunakan pula jarang didengar tetapi bukan bermakna tidak gramatis. Berikut merupakan beberapa contoh:

*Berhai (menegur-sapa), culas (tidak cergas), kesohor (termasyor), ketimbang (dibandingkan dengan) [cerpen Empat Cerpen Mikro]; sekongkol (turut serta di dalam satu pergerakan jahat), mencerlung (memandang dengan tajam), gontai (lemah), dihimbau (diseru), agam (tegap), terpepman (terpegun), berkesiuran(bersiul), terdohok (terlajak) [Bahang Panas Selat Bhosphorus]*

Perkataan-perkataan di atas bukan hanya ringkas tetapi mampu memberikan gambaran yang lebih jelas dan tepat melalui penggunaan kata-kata yang ekonomis. Perkataan-perkataan seperti *berhai*, *culas*, *berkesiuran* dan *kesohor* menyegarkan pembaca kerana ia kelihatan baru

dan segar jika dibandingkan dengan perkataan-perkataan seiras yang sering digunakan seperti *menegur-sapa, tidak cergas, bersiul dan termasyor*.

Di dalam cerpen berjudul "Empat Cerpen Mikro - Isteri" terdapat frasa *tikungan tangga* di dalam ayat; "...tetapi isteriku sudah menghilang di *tikungan tangga*, meluru ke dapur." Frasa ini dengan tepat menggambarkan keadaan tangga yang berliku atau berkelok tanpa perlu menggunakan frasa atau klausa yang panjang.

Begitu juga dengan frasa "turut serta dalam satu pergerakan jahat" boleh dijelaskan dengan satu perkataan sahaja iaitu *sekongkol* seperti di dalam ayat; "Mereka *sekongkol* Nirsim Amilsat" (cerpen Bahang Panas Selat Bhosphorus).

### 3.2 Visual

Diksi yang sesuai juga berkemampuan menghidupkan bahan tulisan kepada sesuatu yang boleh divisualkan sehingga memberi pengalaman baru kepada pembaca. Frasa *dada langit* di dalam cerpen Bahang Panas Selat Bhosphorus menggambarkan langit yang luas terbentang dengan gumpalan awan. Frasa *mata tertancap* pula menggambarkan tenungan mata yang tajam sehingga menyusuk dan terbenam kepada orang yang ditengung.

Perkataan *menggelongsor* di dalam ayat "air matanya mula *menggelongsor* di pipinya" di dalam cerpen Bubur Lambuk sangat nostalgik. Pembaca dapat menggambarkan dan merasai pengalaman cara air mata tersebut membasahi pipi. Ia secara langsung melahirkan kesekitaran yang penuh kesyahduan dan keheningan.

Di dalam cerpen Seorang Gadis, Nasi Lemak dan Sambal Udang pula terdapat perkataan *memancing* di dalam ayat "Aku cuba *memancing* simpati." Perkataan ini menggambarkan situasi aku yang cuba mendapatkan simpati daripada temanitanya secara teraba-raba atau secara tidak langsung kerana perasaan takut dan malunya kepada temanitanya itu. Gambaran yang diberikan oleh satu perkataan itu sudah cukup jelas dan tepat untuk menjelaskan situasi tersebut.

### 3.3 Laras

Laras bahasa ialah gaya atau cara bahasa digunakan untuk menyampaikan maklumat, maksud dan tujuan dari sudut lisan atau tulisan. Ia merupakan unsur penting dalam perluasan dan perkembangan sesuatu bahasa. Laras berubah mengikut situasi dan konteks penggunaan bahasa tersebut dan ditentukan oleh kata-kata, istilah, struktur nahu dan ungkapan-ungkapan yang digunakan. Penggunaan laras yang betul dan tepat mengikut kehendak situasi membolehkan segala maklumat yang hendak disampaikan lebih berkesan dan mudah difahami dan dapat meningkatkan keberkesanan dalam komunikasi.

Diksi yang bersifat "sewilayah" atau kata-kata berlaras yang memberikan kesan realistik kepada sesebuah genre dapat mengukuhkan lagi pengalaman visual pembaca. Di dalam cerpen Empat Cerpen Mikro-Siswi; terdapat perkataan-perkataan yang sesuai dengan persoalan dan latar cerpen tersebut iaitu pendidikan:

*agregat; MSD; institusi; semester; subjek; biasiswa; pengkhususan; kuliah; psikologi; unit*

Cerpen Wad 13 pula menjadi lebih realistik dengan persoalan perubatan yang menyulamkan beberapa perkataan seperti;

*x-ray; leukemia; oncologist; tenat; diagnosa; methanol; benzene; tiub; wad; sel; pain darah; rekod pesakit; rawatan lanjut; dehydrocodein tartarate*

Cerpen Perkahwinan Mutaah juga berjaya menghidupkan persekitaran keislaman melalui diksi yang digunakan dengan berkesan sekali. Antara perkataan yang digunakan ialah;

*taklik; mutaah; fasakh; talak; jemaah; Quran; lebai; tuan Guru; huruf-huruf: ro, wau, alif, lam, ba, qaf, ha*

Cerpen Hang Yahya pula berjaya membawa pembaca memasuki arena perniagaan antarabangsa dengan menggunakan latar dunia koperat. Latar sedemikian dihidupkan dengan frasa-frasa berikut:

*Persidangan; gedung perniagaan gergasi; orang kuat syarikat automobil; produk; barat; kot; tali leher; berbilion ringgit; strategik; dagang; antarabangsa; Korea; Jepun; mat salleh; bisnes; cek; tunai; rakan korporat*

### 3.4 Kepuisian

Segala aspek realisme yang dibincangkan tidak akan mempunyai nilai sastera atau estetika tanpa unsur kepuisian yang direalisasikan melalui aspek metafora dan personifikasi melalui diksi yang sesuai. Unsur kepuisian sangat digemari para penulis cerpen kerana ia mampu menghidupkan imej di dalam cerpen. Ia juga menimbulkan variasi dan keanekaragaman bahasa.

#### 3.4.1 Metafora

Frasa-frasa seperti *rambut putih, mulut ikan, tersenyum, mata, emosi* dan *dunia* agak kering dan mendatar. Ia tidak memberikan sebarang imej dan tidak mencuit hati pembaca. Namun demikian, potretnya akan berubah apabila diselitkan unsur metafora<sup>1</sup>. Berikut merupakan beberapa contoh daripada cerpen-cerpen yang dikaji:

*rambut putih keperakan (cerpen Wad 13); mulut ikan puyunya (cerpen Perkahwinan Mutaah); tersenyum kambing (cerpen Kasih Sayang); tersenyum sumbing (cerpen Kasih Sayang); kolam mata (cerpen Bubur Lambuk); perca emosi (cerpen Hang Yahya); pentas dunia (cerpen Hang Yahya); peta-peta keangkuhan (cerpen Hang Yahya)*

Unsur metafora jelas sekali mengindahkannya diksi yang digunakan. Penulis dalam cerpen-cerpen tersebut bijak mengeksploitasi konsep "makna komposit" dengan cekap. Rentetan diksi

---

<sup>1</sup> Raman Shaari (1993:1) menjelaskan bahawa metafora mempunyai beberapa definisi yang berkaitan. Metafora dikatakan sebagai kiasan yang menyatakan sesuatu dengan menyebut sesuatu yang lain. Sesuatu objek atau abstraksi diberikan sifat objek lain dengan menganggap objek yang kedua itu mempunyai aspek-aspek persamaan dengan objek yang pertama, misalnya dalam ayat; "Abang benar-benar singa di dalam rumah". Metafora juga meletakkan sesuatu abstraksi di tempat yang sesuai untuk sesuatu objek seperti *kotak fikiran* dan *pokok kesabaran*. Ia juga meletakkan sesuatu di tempat yang tidak wajar seperti dalam ayat; "di dadanya ada gunung" atau "di matanya ada api." Di dalam metafora tidak ada kata-kata perbandingan.

rambut putih keperakan sebenarnya adalah klausa yang berbunyi; “rambut putih yang keperak-perakan”. Namun demikian, penulis telah menggugurkan kata relatif ‘yang’ serta gandaan dalam frasa ‘keperak-perakan’ sehingga menjadi kata majmuk yakni proses tadi telah melahirkan satu makna komposit.

Begitu juga dengan kata majmuk tersenyum kambing yang sebelum dimanipulasi oleh penulis merupakan klausa; “tersenyum macam kambing”. Manipulasi seumpama ini menggramatiskan metafora tanpa memerlukan *licencia poetica*<sup>2</sup>.

Namun demikian, aspek penting yang dapat dimanfaatkan daripada metafora ialah ekonomis dan ketepatan. Metafora mampu memberikan penjelasan yang ekonomis dan tepat dengan mengambil alih analogi yang biasanya lebih panjang dan agak mengelirukan jika tidak diterangkan dengan jelas. Ayat “peta-peta keangkuhan di wajahnya” dapat memberikan gambaran yang langsung mengenai wajah dan sifat angkuh pendokong wajah tersebut. Sebaliknya, penggunaan analogi akan menjadikan penulisan tidak ekonomis seperti dalam contoh berikut yang ingin menyampaikan maksud yang sama:

*“Lelaki yang segak itu, berwajah serius dan tegang. Matanya hanya melihat pada satu arah. Dagunya begitu tajam dan mulutnya sering dicubik seperti menghina atau mengecil-kecilkan sesuatu. Wajahnya tetap memandang ke atas. Sekali-kali diberikan pandangan sinis kepada orang bersebelahannya atau yang lalu di depannya.”*

### 3.4.2 Personifikasi

Imej sahaja mungkin tidak mencukupi untuk menghidupkan persekitaran yang mendukung imej tersebut. Maka penulis mula “meniupkan roh” ke dalam diksi sehingga “hidup” personifikasi. Diksi yang hidup secara otomatis menghidupkan cerpen. Menurut Raman Shaari (1993:3), Personifikasi merujuk kepada pemberian sifat manusia kepada objek atau abstraksi seperti *mata mimpi* dan *lidah neraka*. Berikut merupakan beberapa contoh:

*wad ini mentertawakannya (cerpen Wad 13); marahnya berpestaan lagi (cerpen Bahang Panas Selat Bhosphorus); awan memburaikan titis airnya (cerpen Bahang Panas Selat Bhosphorus); hati ini terdera (cerpen Jejak Kasih); air matanya menggelongsor di pipinya (cerpen Bubur Lambuk); memandikan air mata (cerpen Jejak Kasih); syaitan diberkas (cerpen Hantu Bulan Puasa); aku memancing simpati (cerpen Soerang Gadis, Nasi Lemak dan Sambal Udang)*

Ayat “wad ini mentertawakannya” memberikan semacam gambaran akan gejala perasaan seorang doktor yang bingung, malu dan terasing di dalam wadnya akibat daripada satu kejadian yang memalukannya.

Unsur personifikasi ini mampu menerangkan aspek abstrak iaitu sesuatu yang tidak dapat dirasai orang lain kecuali penderitanya sahaja. Ini dapat dilakukan dengan memberikan “nyawa” atau peranan “keorangan” kepada objek. Perasaan doktor tersebut tidak dapat dijelaskan secara dramatik dengan ayat biasa sahaja seperti; “Dia bingung, malu dan terasing di dalam wadnya”. Ayat ini tidak ekonomis dan tidak memberikan impak kepada pembaca kerana ia terlalu mendarat.

<sup>2</sup> Lesen untuk seseorang sasterawan menulis atau mengucapkan kata-kata yang berbeza daripada kebiasaan sama ada dari aspek morfologi, sintaksis mahupun semantic (Rahman Shaari 1993:1)

Begitu juga dengan ayat "marahnya berpestaan lagi". Kata 'marah' merupakan satu unsur abstrak yang diberikan peranan manusia iaitu sedang berpesta. Kesan estetaik yang timbul daripada kata-kata yang digunakan sangat menyegarkan dan menarik perhatian pembaca. Ia menghidupkan imej kemarahan seseorang yang tercetus kembali dan meluap-luap setelah lama reda. Kemarahan ini pula berlaku dalam skala yang akan genting.

### 3.5.2 Peribahasa

Sesuatu hasil penulisan sastera Melayu tidak akan berbaur Melayu tanpa diselitkan unsur-unsur peribahasa, perumpamaan dan kiasan. Ini merupakan lumrah yang jelas di dalam cerpen-cerpen yang dikaji. Berikut merupakan beberapa contoh:

*haruan makan anak (cerpen Permudal Perumal); tanah yang melahirkan dan membesarkan mereka (cerpen Permudal Perumal); macam cacing kena panas (cerpen Perkahwinan Mutaah); nikmat bersiput babi (cerpen Perkahwinan Mutaah); bagai ikan pagut cacing umpam ((cerpen Perkahwinan Mutaah); macam biji sawi bertabur atas talam (cerpen Perkahwinan Mutaah); cacing selambak dalam tempurung (cerpen Perkahwinan Mutaah); membesar seperti kuntuman bunga (cerpen Kasih Sayang); tersenyum sumbing (cerpen Kasih Sayang); saling tak tumpah (cerpen Jejak Kasih); menarik muka empat belas (cerpen Hang Yahya); tercetus bagai percikan bintang (cerpen Hang Yahya); merangka seribu kemungkinan (cerpen Wad 13); nanti kering tujuh lautan (cerpen Seorang Gadis, Nasi Lemak dan Sambal Udang)*

Walaupun terdapat unsur-unsur peribahasa Melayu yang begitu lama telah wujud, namun ia tetap segar apabila digunakan pada hari ini sama ada dalam bentuk asalnya atau yang disesuaikan atau juga yang dihasilkan mengikut keperluan kesekitaran penceritaan. Penggunaan unsur peribahasa ini juga menjimatkan penulisan seperti yang berlaku terhadap metafora.

## 3.6 Retorik

Gaya retorik (Keris Mas 1990:118) merupakan kelainan bahasa yang disengajakan untuk menimbulkan kesan tertentu melalui penyimpangan daripada bentuk bangunan bahasa yang biasa. Ia mempunyai bangunan yang tidak lurus, berbunga-bunga, berwarna-warni dan tidak mempunyai makna secara langsung. Kelainan itu disengajakan dengan tujuan mengindahkan bentuk, menghaluskan makna, menajamkan rasa dan sebagainya. Retorik merupakan tahap pengeksploitasian dan manipulasi bahasa terunggul. Dalam merealisasikan retorik terdapat berbagai alat bahasa. Antaranya ialah 'pengulangan' dan 'imbuhan'.

### 3.6.1 Pengulangan

Imej yang jelas dan hidup perlu diberikan kekuatan dengan menggunakan unsur retorik dalam ayat-ayat tertentu iaitu melalui pengulangan kata-kata atau bunyi-bunyi tertentu. Secara sedar atau tidak penulis-penulis cerpen yang terlibat telah mengeksploitasikan kata-kata demi keindahan bahasa melalui unsur-unsur 'anafora', 'woordopname', 'responsi' dan 'homoioteleuton' seperti berikut:

i. Pengulangan kata di permulaan ayat atau unsur anafora:

*"Perang ini perang psikologi. Perang industri. Perang ini perang menebus maruah"* (cerpen Hang Yahya)

*"Kalau aku bekerja, aku tidak tidur. Kalau aku tidak bekerja, aku tidur"*.

ii. Pengulangan kata apabila perkataan di hujung baris digunakan untuk memulakan baris seterusnya atau unsur wordopname:

*"Hamidah rupa-rupanya pulang tadi untuk menyediakan makanan kegemaranku. Kegemaranku sedari dulu-nasi lemak sambal udang!"* (cerpen Seorang Gadis, Nasi Lemak dan Sambal Udang).

iii. Gambaran tentang unsur responsi iaitu pengulangan yang berada di tengah kalimat :

*"Biarlah saya selidik malam ini, moga-moga saya dapat mengetahuinya dan dapat pula saya memaklukkannya esok pagi"*. (cerpen Permudal Perumal).

iv. Unsur homoioteleuton iaitu pengulangan bunyi di dalam sesuatu baris yang menimbulkan rima dalaman:

*"Hambat kambing putus tambat"*. (cerpen Perkahwinan Mutaah)

*"Sebetulnya kasih sayang Tuhanku sahaja yang tidak pernah luntur dan pudar terhadapku"*. (cerpen Kasih Sayang)

*"... ditepi jalan lalu meluncur laju entah ke mana"*. (cerpen Bahang Panas Selat Bhosphorus)

Unsur pengulangan ini merupakan manipulasi bahasa yang unggul. Ia memerlukan kecekapan bahasa yang baik dan kecekapan estetik yang sempurna. Kecekapan bahasa memastikan struktur kata dan ayat adalah gramatis sementara kecekapan estetik pula memastikan pengulangan pada diksi terutama sekali bunyi itu sesuai dan serentak atau serima agar tidak janggal.

### 3.6.2 Imbuhan

Penggunaan imbuhan amat penting untuk menyampaikan maksud secara retorik agar tujuan kata-kata tersebut digunakan dapat memberikan kesan yang diharapkan oleh penulis seperti berikut:

*memperbudakkan, mempersendakan, diperhambakan (cerpen Hang Yahya); ditebarayapkan, melicinlancarkan (cerpen Empat Cerpen Mikro); kesyirikan, perpanjangan (cerpen Kasih Sayang); menyinga, menghodohkan, memesongkan, perhebatkan (cerpen Bahang Panas di Selat Bhosphorus); penolakan (cerpen Madonna Vega Valeria); penungguan (cerpen Permudal Perumal); mendudukkan (cerpen Jejak Kasih)*

Sekiranya ditafsirkan diksi 'budak', 'senda' dan 'hamba', semuanya merupakan kata-kata biasa yang membawa maksud umum dan mudah. 'Budak' dan 'hamba' adalah kata nama manakala 'senda' ialah kata sifat. Penggunaanya juga tidak akan memberikan sebarang kesan dramatik, misalnya:

**Budak** itu bernama Ali.

Mereka merupakan **hamba** raja.

**Senda** gurau dapat menghidupkan suasana hening.

Sebaliknya, impak kepada kata-kata tersebut akan berubah apabila ditampalkan dengan imbuhan yang sesuai seperti berikut:

Mereka **memperbudakkan** raja kita.

Tanah Melayu **diperhambakan** selamanya.

Mereka cuba **mempersendakan** bangsanya.

Kata-kata yang dimanipulasikan dengan imbuhan yang sesuai akan memaparkan gambaran yang berbeza. Ia menimbulkan semacam "ketuahan" dalam jiwa pembaca Melayu apabila didapati raja mereka dipandang rendah oleh orang lain dan Tanah Melayu dieskloitasi untuk kesenangan orang lain. Perasaan ini diapikan lagi dengan perkataan 'mempersendakan' yang memberi gambaran bahawa orang Melayu telah diperbodohkan oleh bangsa lain. Semangat meluap-luap seumpama ini menjadi tumpuan retorik.

#### 4.0 Bahan Penulisan

Pengajaran tatabahasa sampai kepada kemuncaknya dalam pelajaran mengarang atau penulisan. Di sinilah tempatnya semua ilmu bahasa yang dipelajari dapat dimafaatkan secara praktikal. Segala alat bahasa akan digerakkan dalam penulisan. Namun demikian, alat-alat tersebut pula akan kurang menarik tanpa bahan yang sesuai dengan keperluan penulis atau pembaca.

Bahan memainkan peranan penting dalam penulisan. Sama ada penulisan deskriptif mahupun naratif, bahan yang baik akan menghidupkan suasana yang cuba dicipta. Dalam konteks ini, bahan-bahan sastera kreatif boleh dimanipulasi dengan berkesan sekali untuk penulisan karangan atau esei. Bahan-bahan yang terdapat di dalam karya kreatif khususnya yang diterbitkan di akhbar Berita Minggu Singapura sering mengengahkan **isu-isu semasa** yang hangat di Singapura dan dunia. Sering isu-isu seperti penganasan, agama, peperangan, dasar-dasar pemerintah yang menimbulkan polimik, isu-isu sensasi seperti seksualiti dan kecurangan, penyakit serius dan masalah warga tua menjadi persoalan pokok yang diutarakan.

Bahan-bahan tersebut sangat sesuai digunakan dalam penulisan esei deskriptif kerana isu-isu yang diketengahkan sangat relevan. Malah cara ia diolah memudahkan lagi pemahaman pelajar terhadap isu yang sememangnya kompleks jika dijelaskan dalam genre bukan fiksiyen.

**Perutusan** dan **pengajaran** yang boleh didapati daripada bahan-bahan sastera tersebut pula boleh digunakan sebagai bahan bagi mencari kesan atau akibat daripada sesuatu tindakan atau dasar yang perkenalkan. Sering pelajar akan kemukakan perkara-perkara yang sememangnya konvensional kerana bahan yang mereka gunakan adalah sama. Sebaliknya, dengan menggunakan bahan kreatif, input atau sumbangan idea para pelajar akan lebih rencam kerana mereka menggunakan rujukan daripada karya kreatif yang penulisnya rencam. Biasanya, input yang diberikan adalah memuaskan kerana setiap penulis mempunyai **falsafah** masing-masing yang cuba diutuskan melalui karya mereka. Itu sebabnya lahir kata-kata 'hikmah' seperti berikut:

1. *"Takdir memang takdir...tetapi kita manusia ini dikurniakan akal untuk membandingkan yang baik dengan yang cacat; untuk memilih yang lebih sesuai dan lebih munasabah; kalau segala ikhtiar sudah kita usahakan namun tidak berjaya juga, barulah kita berserah kepada takdir pulak."* (Novel *Mail Mau Kawin*)
2. *"Syaitan diberkas pada bulan puasa...yang terlepas ialah segi kejahilan manusia."* (cerpen *Hantu Bulan Puasa*)
3. *"Perasaan boleh melemahkan kita apabila ia menguasai kekuatan akal manusia."* (cerpen *Kasih Sayang*)
4. *"tidak ada pun syaitan akan membawa manusia kepada jalan kebenaran. Setidak-tidaknya menyesatkan iktisad manusia dengan menduakan Tuhan.."*(cerpen *Kasih Sayang*)
5. *"Ego perempuan adalah sekeras kerak nasi, kena air lembut juga."*(cerpen *Bubur Lambuk*)
6. *"...ketagih nafsu bukan macam ketagih kopi."* (cerpen *Perkahwinan Mutaah*)

Berikut dibincangkan beberapa contoh yang dipadankan dengan keadaan isu-isu semasa yang berlaku sepanjang tahun 1999 dan 2000-an di Singapura khususnya. Padanan ini membuktikan bahawa terdapat karya-karya kreatif bagi hampir semua fenomena yang berlaku sekaligus membuktikan hubungan sastera dengan masyarakat.

#### 4.1 Penganasan<sup>3</sup>

Penganasan merupakan isu yang cecal dan tekal pada alaf ini. Dalam membincangkan isu ini, sajak **Al-Quran turun mencarimu** karya Suratman Markasan telah mengutarakan sikap manusia yang sombong dan angkuh tetap membunuh dan bercakaran walaupun Al-Quran telah mengajar mereka erti peperangan yang sebenar. Ini telah dijelaskan di bait berikut:

*Al-Quran tetap relevan sepanjang zaman.  
Dia jadikan kamu manusia pelbagai bangsa  
tapi manusia tetap bodoh dan sombong  
pabila mereka berbunuhan dan bercakaran terus'*

Maka, dapat kita lihat konsep jihad yang telah dilaung-laungkan penganas telah disalahtafsirkan. Tindakan yang mereka ambil tidaklah bersifat memanfaatkan malah telah memudaratkan ramai pihak serta telah merosakkan kesucian imej agama.

Peristiwa 11 September tahun 2001 telah mengorbankan banyak jiwa melalui aktiviti penganasan yang dilakukan ke atas Pusat Perdagangan Dunia (WTC) di New York. Peristiwa ini mendapat respons hebat daripada para penulis. Sajak **Bicara Terakhir** karya Guy Ghazali telah mengetengahkan perasaan marah dan kecewa penulis terhadap kejadian ini kerana dikatakan yang menjadi korban ialah mangsa-mangsa yang tidak berdosa angkara manusia yang tidak bertanggungjawab. Ini dapat dilihat melalui bait berikut:

<sup>3</sup> 4.1-4.7 Merupakan Karya-Karya Yang Diterbitkan Sepanjang Tahun 2000-2004.

*air mata debu menjadi paksi  
air mataku menjadi saksi  
insan ketakutan meraung  
dalam kecemasan  
tersangkut di jendela  
terkapai-kapai di tengah udara  
kepala terhantuk riba bertemu  
noktah malapetaka'.*

## 4.2 Imej Islam

Imej Islam merupakan trend terkini dalam dunia semakin dicengkam penganasan akibat jihad yang disalahtafsir atau disalahertikan. Kesannya timbul semacam ketidakselesaan di kalangan penganut-penganut agama lain terhadap agama Islam. Dalam memupuk semangat toleransi dalam penulisan, sajak **Syair 17 Ramadhan** karya Anah Kasnan membuka jalan:

*Kuasa Allah mengatasi segala,  
Musuh goyah di pentas dunia,  
Perjuangan Islam terus bertakhta tetap cekal hadapi sengketa'*

Semangat umat Islam dibangkitkan untuk memperjuangkan agama serta bangsa dan melawan musuh dengan cara yang baik. Sajak ini dihasilkan atas kesedaran akan kekecohan yang berlaku di dunia serta salah tanggapan terhadap agama Islam ekoran serangan tersebut.

## 4.3 Perpaduan Kaum

Perpaduan kaum merupakan kepentingan utama dalam menangani gejala penganasan. Di Singapura misalnya, pemerintah menekankan kepentingan ini lebih-lebih lagi setelah diancam penganas menyusuli penangkapan anggota-anggota kumpulan Jemaah Islamiyah di Yishun. Rakyat mula sedar bahawa walaupun keadaan di Singapura kelihatan selamat, ini tidak bermakna ia bebas daripada serangan penganas. Faktor perpaduan ini dengan jelas digambarkan dalam cerpen **Selamat Hari Raya Haji Syawal** karya Sulaimi Warno yang mengetengahkan suasana hari raya di rumah Haji Syawal yang telah dikunjungi rakan-rakannya daripada pelbagai kaum dan kedatangan mereka telah disambutnya dengan meriah sekali. Keadaan inilah yang cuba diwujudkan pemerintah iaitu penekanan tentang kepentingan integrasi kaum. Satu lagi cerpennya **Aci-Aci Buka Pintu** juga mengetengahkan isu yang sama iaitu keharmonian kaum melalui sikap tolong menolong antara jiran tetangga sebagai cara terbaik untuk mengelakkan perselisihan faham tentang agama lain yang boleh mengakibatkan kejadian-kejadian penganasan.

## 4.4 Seksual

Dalam kita bergerak ke arah bandar kosmopolitan mutlak ini, sifat dan sikap manusia di kota Singa ini juga semakin berubah. Lebih banyak gejala sosial yang mula timbul bak cendawan tumbuh ke permukaan. Sebelum ini, keadaan seumpama ini mungkin terselindung atau sesuatu yang tabu. Namun demikian, kini ia merupakan lumrah yang diterima masyarakat. Cerpen **Habitat** karya Ahmad Awang, misalnya, mengisahkan penceraihan suami isteri yang berlaku disebabkan kecurangan isterinya yang menjalinkan hubungan dengan kaum sejenis. Karya ini merupakan templatik terhadap dasar pemerintah yang memberi kelonggaran terhadap golongan homoseksual ini dalam mendapatkan pekerjaan di sektor awam. Satu lagi kisah iaitu sajak **Bertanya** karya Md Salleh Mahmud pula mengutarakan perihal lelaki-lelaki yang telah merubah jantina mereka sekaligus menonjolkan keruntuhan moral dan nilai.

## 4.5 Perkahwinan

Zaman ini juga menampakkan banyak gejala rakyat yang mementingkan kerjaya daripada membina rumahtangga. Cerpen **White House?** karya Ridhwan Anwar mengetengahkan masalah dasar pemerintah yang ingin menjadi sebuah kota unggul dunia dengan mengikut strategi Amerika Syarikat sehingga menjejaskan kehidupan rakyat yang takut untuk berkawin kerana kos hidup yang terlalu tinggi. Cerpen **Bukan Aku Tak Sayang** karya Basuki Sastro pula menyentuh perihal gadis kosmopolitan yang terlalu mementingkan kebendaan sehingga mengalami kesukaran memilih teman hidup.

## 4.6 Pembuangan Kerja

Pembuangan kerja merupakan lumrah dalam keadaan Singapura dewasa ini yang sedang berusaha membentuk semula ekonominya. Sering bakat-bakat asing yang datang dengan jumlah yang banyak dijadikan alasan kepada ketiadaan pekerjaan bagi rakyat ataupun pembuangan kerja. Keadaan ini mengakibatkan salah faham dan mungkin pertikaian jika tidak diperbetulkan. Hakikatnya terdapat banyak sebab seseorang itu tiada pekerjaan atau dibuang kerja. Antaranya pendidikan, persaingan, sikap dan kemahiran. Antara sebab lain pula terdapat dalam cerpen **Aku Tertinggal Telefon Bimbitku** karya Suratman Markasan yang mengisahkan keadaan seorang lelaki yang terjejas ekoran fenomena pembuangan kerja ini. Dia akhirnya memohon untuk bekerja di sebuah masjid seperti yang telah disarankan oleh rakannya. Dia berjaya menjawab pekerjaan di masjid itu. Ketika berwudhu, dia telah meninggalkan telefon bimbitnya dan apabila hendak mengambilnya semula, dia terdengar perbualan rakannya dengan ustaz yang telah melantiknya. Rakannya cuba menghasut agar dia dipecat daripada jawatan tersebut. Jelas ini menunjukkan antara kesan pembuangan kerja ialah sikap saingan negatif atau pengkhianatan dalam mencari pekerjaan.

Cerpen **Bola** karya Nizam Mustafa juga mengetengahkan kesan pembuangan kerja terhadap sepasang suami isteri. Wan, seorang pemain bolasepak telah diberhentikan khidmatnya dan isterinya pula mengambil alih peranan sebagai penyara keluarga. Isterinya mula menjalinkan hubungan dengan seorang lelaki yang lebih mewah. Akibat tekanan perasaan yang tidak terkawal, dia akhirnya meracun kesemua anggota pasukan bolasepaknya.

## 4.7 Penyakit

Penyakit 'SARS' ataupun Sindrom Sesak Nafas menghantui Singapura pada tahun 2003. Penyakit berjangkit ini mudah menular di tempat-tempat umum. Maka pemerintah terpaksa mengambil sikap berjaga-jaga dengan mengadakan pemeriksaan yang lebih ketat terutama dalam pengambilan suhu badan di bangunan-bangunan awam. Cerpen **Virus X** karya Helmilina Mohd. Som mengutarakan bahaya virus tersebut dan melalui virus ini, manusia mula sedar akan kepentingan menjaga kebersihan. Manusia juga mula sedar akan kekerdilan mereka berhadapan dengan penyakit sedemikian.

## 4.8 Melayu & Islam<sup>4</sup>

Masyarakat Melayu Singapura tidak terlepas daripada konsep Melayu dan Islam. Agama memainkan peranan penting dalam budaya masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Pegangan seumpama ini masih teguh dalam alaf baru ini. Pandangan masyarakat terhadap unsur ketuhanan amat jelas dibayangkan melalui cerpen **Dedaunan** karya Muhammad Salihin Sulaiman yang mengungkap bahawa maut tidak mengira usia mahupun kekuatan dan cerpen **Ubat** karya Ahmad Awang yang menyentuh persoalan kuasa Allah merentasi segala kemampuan

---

<sup>4</sup> 4.8-4.12 merupakan karya-karya yang diterbitkan sepanjang tahun 1999.

tradisi dan moden. Begitu juga cerpen **Terpadamnya Satu Titik Kebenaran** karya Peter Augustine Goh bahawa tuhan tetap memberi peluang kepada manusia bertaubat. Hanya manusia yang sering lupa akan janjinya kepada Tuhan setelah terlepas daripada bahaya atau kesusahan.

#### 4.9 Pegangan Agama

Pegangan agama masyarakat Melayu tidak dapat disangkal. Namun kebiasaan kepada tahyul masih juga kukuh. Ironi ini jelas sekali menunjukkan masyarakat Melayu masih memberi ruang kepada unsur tahyul dalam jiwa mereka. Mereka masih mempercayai konsep kempunan, sangkak dan kecelakaan yang dibawa oleh binatang seperti kucing. Pegangan ini dijelaskan dalam cerpen **Ramses** karya Ridhwan Anuar mempersoalkan tahyul kerana kematian seekor kucing dan cerpen **Tompok** karya Rohanah Bte Kasnan pada memaparkan persoalan tahyul yang menggugat ketenangan jiwa seorang isteri apabila kucingnya hilang. Perasaannya terbawa-bawa kepada keselamatan suaminya apabila beliau tidak dapat dihubungi.

#### 4.10 Warga Tua

Budaya menghormati orang tua tetap relevan pada zaman ini. Perkara ini selari dengan ajaran agama. Konsep "berkat ibubapa" dan "derhaka kepada ibubapa bererti derhaka kepada Tuhan" masih menjadi pegangan. Masyarakat Melayu masih berpegang kepada sifat menghormati ibu bapa hingga ke tahap berkorban demi memenuhi kemahuan mereka. Keadaan ini berlaku kerana ibu bapa itu sendiri telah banyak berkorban untuk anak-anak mereka. Persefahaman dua hala ini amat menarik kerana ia secara tidak langsung membuktikan bahawa anak-anak muda masyarakat kita masih berpegang kepada konsep memuliakan orang tua. Cerpen **Bapak** karya Zee SHK memaparkan kemegahan seorang anak terhadap pengorbanan bapanya. Sementara cerpen **Puisi Biru Seorang Kekasih** karya Peter Augustine Goh mempersoalkan pengorbanan seorang anak demi menjaga hati ayahnya. Begitu juga dengan cerpen **Rahsia Sebuah Kasih Sayang** karya Peter Augustine Goh mengisahkan pengorbanan suci yang membawa berkat.

#### 4.11 Melayu Kebaratan

Walaupun unsur agama dan budaya Melayu masih kukuh, namun jelas sekali ia tidak mencapai semua pihak. Masih terdapat golongan yang mengenenpikan kedua-dua unsur tersebut demi merealisasikan kehendak mereka. Nafsu dan pengaruh barat bermaharajalela hingga luput imej Melayu pada orang Melayu itu sendiri. Proses pembaratan budaya Melayu dianggap sebagai satu musibah yang seharusnya dihapuskan. Masyarakat menganggap bahawa gejala ini menggalakkan kebebasan sosial di kalangan masyarakat Melayu dan akhirnya membawa kepada keruntuhan sistem budaya dan agama itu sendiri. Cerpen **Mrs George Nelson Berton** karya Mohamed Pitchay Gani BMAA, misalnya dengan jelas menunjukkan keruntuhan sistem kehidupan Melayu dan Islam akibat kebaratan. Cerpen **The Pest** karya Muhammad Salihin Sulaiman pula menonjolkan kesan hubungan bebas dengan transvestit yang membawa kepada penyakit Aids. Manakala cerpen **Mimpi Shakespeare** karya Ridhwan Anuar menunjukkan masyarakat Melayu kini terlalu kebaratan sehingga mereka lebih mengenali sastera Inggeris daripada sastera sendiri. Sedihnya masyarakat Melayu terpaksa disedarkan oleh orang barat itu sendiri tentang perkara tersebut.

#### 4.12 Pembangunan Diri

Pandangan masyarakat Melayu terhadap kemajuan diri merupakan perkara membanggakan. Prinsip kerelevanan menjadi semakin meresapi sanubari mereka. Keinginan untuk maju dan berdikari direalisasikan dalam cerpen-cerpen yang dihasilkan. Cerpen **Keluarga**

**Tempe** karya Sulaimi Warno menonjolkan peranan seorang ayah yang memajukan anak-anaknya dalam bidang pelajaran. Cerpen ini meyakinkan pembacanya bahawa kemewahan tidak memastikan kejayaan hidup. Sebaliknya ilmu membentuk peribadi mulia dan kemajuan diri. Cerpen **Nek Jan Nak Kawin Lagi** karya Sulaiman Jeem memaparkan persoalan nilai seorang wanita berhati waja. Seorang janda yang berani "mengajar" suaminya yang curang sehingga beliau akhirnya mencapai kecemerlangan hidup berdikari. Begitu juga Cerpen **Mahasistua** karya Rozanah Bte Kasnan yang membuktikan bahawa mencari ilmu tidak mengenal usia. Manakala Cerpen **Menantu Wak Dolah** karya Basuki Sastro membuktikan bahawa orang yang tidak berilmu bakal menjadi tidak relevan dan akhirnya terpaksa bersara dari pekerjaannya.

## 5.0 Penutup

Bahan sastera berperanan dalam membantu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kepelbagaian bahan yang dibangunkan oleh kerencaman gaya bahasa pastinya menjadi takungan kepada alat-alat tatabahasa yang boleh digunakan sebagai bahan tambahan atau pengayaan dalam pengajaran bahasa di sekolah. Dari segi bahan penulisan pula, gumpalan idea penulis yang dirakamkan boleh menjadi perintis kepada idea-idea baru dalam menulis esei dan sesi perbincangan. Dalam konteks pengajaran seumpama ini, penting bagi guru bertindak sebagai pemudahcara untuk menggiatkan dan merencanakan proses pembelajaran.

Banyak manfaat yang boleh diraih dengan menggunakan bahan sastera dalam pengajaran. Selain digunakan dalam pengajaran bahasa, ia juga boleh menghidupkan semangat membaca di kalangan pelajar kerana mereka telah terbiasa dengan membaca karya-karya kreatif semasa sesi pengajaran bahasa. Dengan meluasnya bacaan, pelajar akan menjadi lebih kritikal dan penguasaan bahasa akan semakin baik serta melancarkan pertuturan dalam bahasa Ibunda.

## Bibliografi

- Azizi Hj Abdullah."Perkahwinan Mutaah" dlm Berita Minggu (Malaysia), 19 Jan 1997.  
Balkis Ahmad."Bubur Lambuk" dlm Berita Minggu (Malaysia), 26 Jan 1997.  
Diana Laurenson & Alan Swingewood, 1972. *The Sociology of Literature*.London: Mc Gibbon and Kee.  
Gazali Lateh."Madonna Vega Valerie" dlm Berita Minggu (Malaysia), 9 Mac 1997.  
Hans Robert Jauss, 1982. *Towards an Aesthetic of Reception*. Minneapolis: University of Minnesota Press.  
Lufti Abas, 1995. *Kritikan Karya Sastera: Keindahan Ragam-Ragam Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Mohamad Shahidan."Permudal Perumal" dlm Berita Minggu (Malaysia), 23 Mac 1997.  
Mohamad Mokhtar Hassan, 1995. *Sosiologi Sastera – Teori dan Aplikasi*. Kuala Lumpur:Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.  
Mohamed Pitchay Gani BMAA. "Memasyarakatkan dan Menghayati Sastera Kita" dlm. Majalah Bulan Bahasa dan Anugerah Persuratan 1999 hlm 22-23, Julai 1999  
Mohamed Pitchay Gani BMAA. "Cerpen 1999 Papar Pandangan Orang Melayu Setempat" dlm. *Berita Minggu*, 9 Julai 2000  
Nur Namira Mazlan. "Cabaran Singapura Dalam Sastera Melayu Kontemporari" dlm *Aktivis* Jilid IV, 2004.  
Othman Puteh."Empat Cerpen Mikro" dlm Berita Minggu (Malaysia), 5 Jan 1997.  
Peter Augustine Goh."Seorang Gadis, Nasi Lemak dan Sambal Udang" dlm Berita Minggu (Malaysia), 30 Mac 1997.  
Rahman Shaari, 1993. *Memahami Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Rahman Shaari."Hantu Bulan Puasa" dlm Berita Minggu (Malaysia), 2 Feb 1997.  
Shahidan Hashim."Wad" dlm Berita Minggu (Malaysia), 9 Feb 1997.

- Siti Rahmah G Ibrahim."Jejak Kasih" dlm Berita Minggu (Malaysia), 16 Feb 1997.
- Syed Mahadzir Syed Ibrahim."Bahang Panas Selat Bhosphorus" dlm Berita Minggu (Malaysia), 12 Jan 1997.
- Tajudin Saman."Hang Yahya" dlm Berita Minggu (Malaysia), 16 Mac 1997.
- Ton Ibrahim, 1990. *Stilistik: Pendekatan dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Umar Junus, 1989. *Stilistik: Satu Pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.